

Bantu anak anda untuk berjaya dalam kehidupan

Anak-anak kita akan melakukan yang terbaik apabila pihak sekolah dan ibu bapa berganding bahu untuk memberikan sokongan kepada mereka. Berikut adalah beberapa tip untuk merealisasikan perkara ini...

Bekerjasama dengan pihak sekolah untuk mengenali dan memberikan sokongan kepada anak anda

- Adakan perbincangan secara kerap dengan guru-guru dalam bidang akademik dan bukan akademik – ini dapat membantu anda untuk lebih membimbing perkembangan anak anda.
- Pastikan cara berkomunikasi yang diinginkan oleh guru – mereka tidak perlu berkongsi nombor telefon bimbit mereka.
- Fahami bahawa guru mungkin tidak dapat menjawab pertanyaan anda dengan segera.

Bantu anak anda untuk berhubung dengan orang lain

- Kerjasama dengan guru untuk membantu anak anda menghormati perbezaan dan menyelesaikan perselisihan secara behemah.
- Biarkan pihak sekolah mengesahkan fakta dalam sebarang insiden sebelum mengambil tindakan bagi memastikan natijah yang adil dan objektif bagi semua pihak yang terlibat.

Bantu anak anda untuk mengamalkan tabiat baik

- Wujudkan persekitaran rumah yang kondusif yang menggalakkan anak anda untuk rasa seronok membaca dan menyelesaikan kerja sekolahnya sendiri.
- Galakkan anak anda untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat dan seimbang dengan masa yang cukup untuk tidur dan bermain.

Bantu anak anda untuk menguruskan diri sendiri

- Bimbing anak anda dalam pengurusan masa.
- Galakkan anak anda untuk membantu melakukan kerja-kerja rumah.



Anak-anak kita akan berjaya apabila ibu bapa dan pihak sekolah saling bekerjasama.



Ministry of Education
SINGAPORE